

BAHAGIA BERANAK RAMAI



PAK RADEN dan PUAN ASIAH.

MELIHAT tubuhnya yang masih lagi sihat dan kuat orang tidak akan percaya lelaki yang bertubuh kecil itu telah melewati ke batas usia 70-an. Dia ketawa terkekeh-kekeh bila ditanya tentang rahsia awet mudanya itu.

"Adalah, bagi orang perantau seperti saya ini," akuinya dalam loghat bahasa Indonesia walaupun telah bermastautin di sini lebih daripada 40 tahun Pak Raden Sastro Sudarmo atau Pak Raden Ahmad tidak lepas dari loghat tersebut.

Ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kuala Pari Ipoh, Perak Pak Raden tinggal berdua bersama isterinya sahaja sementara anak-anak yang bersekolah petang pergi ke sekolah, yang bekerja pergi bekerja dan bersekolah pagi pergi membantu kakak-kakaknya berjual kuih dan air tebu di tepi jalan yang terletak beberapa rantai dari rumah kayu warna kuning 2 tingkat itu.

Keistimewaan lelaki tua suami isteri ini kerana mempunyai anak-anak yang ramai yang jarang terdapat pada keluarga yang lain. Berita mengenai mereka mendapat liputan secara besaran dalam majalah TV3. Hasil perkahwinan yang bahagia mereka dikurniakan 22 orang anak.

Ketika ditanya mengapa beliau merantau jauh hingga ke mari lelaki tua yang masih segak itu termenung seketika, sambil menarik nafas panjang dia memberitahu kerana perang Jepun dulu menyebabkan dirinya tercampak jauh dari keluarga, sanak-saudara dan tanahair tercinta.

Sebelum ini dia ke Burma

Masa kecil memelihara anak-anak tanpa pembantu atau keluarga memanglah susah tetapi bila memikirkan anak-anak itu sebagai anugerah dari Tuhan dan masing-masing mempunyai rezeki yang tersendiri hati Mak Cik jadi tabah malah merasakan mempunyai anak ramai merupakan [illegible] kebahagiaan pula," uja[illegible] jujur.



PAK RADEN bersama anak-anak dan cucunya (gambar keluarga



ADIK SURIANI salah seorang anak PAK RADEN sedang menjual putu piring



PUAN ASIAH dan seorang anak gadisnya sedang memasak di dapur.

njadi buruh paksa dan nasibnya ak baik bersama dengan lima uh orang rakannya yang lain dari onesia dapat melepaskan diri ke gara ini dengan melakukan bagai pekerjaan dan akhirnya peluang bekerja di Istana Sultan ak sebagai tukang kebun. ementara kawan-kawannya g lain masing-masing mbawa diri dan ada yang peluang pulang ke negara onesia, manakala dia ngambil keputusan untuk tinggal ni lebih-lebih lagi setelah hatinya ikat dengan gadis sunti anak kat Raja Kamarulzaman, iaitu h Abdullah isterinya sekarang.

Mengenang kembali saat manis eka di masa lalu Pak Raden nad memberitahu mereka erti juga dengan pasangan lain nah mengalami saat manis om percintaan. Tetapi cintaan mereka tidak ngambil masa yang panjang. na enam bulan sahaja," celah cik Asiah. Menceritakan emuan mereka menurut Pak en mereka bertemu ketika dia erja sebagai tukang kebun di a Sultan Perak sementara Puan h tinggal di istana menjadi anak kat salah seorang keluarga di tersebut.

isah hidup pasangan suami isteri ini agak unik. Selain daripada Pak Raden, Puan Asiah anak malang yang kematian ibu berasal dari Bentong, Pahang telah dibela oleh satu keluarga di raja yang bertugas sebagai pegawai daerah satu ketika dulu di tempat tersebut. Sewaktu pasangan diraja itu berpindah ke negeri asal mereka Perak Puan Asiah dibawa bersama sehingga kini dia tidak pernah bertemu lagi dengan bapa dan adik-beradiknya yang lain.

"Sejak bayi lagi saya telah berpisah dengan keluarga saya dan sudah tentulah sukar bagi saya untuk mengenali mereka lagi," ujar Puan Asiah sayu sambil menahan sekelumit rindu yang barangkali tidak tahu pada siapa hendak dicurahkan.

Selepas berkenalan selama 6 bulan mereka kemudiannya mengambil keputusan untuk mendirikan rumahtangga pada tahun 1951 ketika itu usia Puan Asiah baru mencecah 15 tahun sementara Pak Raden berusia lebih dari 30 tahun. Hasil perkahwinan yang bahagia itu mereka dikurniakan anak seramai 22 orang iaitu 9 lelaki dan 13 orang perempuan. Dan kini mereka mempunyai 27 orang cucu. Tujuh orang anaknya telah pun





Tempat tidur anak-anak PAK RADEN.

mendirikan rumahtangga dan tinggal bersama keluarga masing-masing sementara 13 orang masih tinggal bersamanya dan lima daripadanya masih lagi bersekolah. Hanya seorang sahaja anak perempuan mereka menurut jejak mereka mempunyai anak yang ramai iatu seramai 12 orang.

Menjawab satu soalan lain Puan Asiah memberitahu, tidak terlintas di hatinya untuk mengikuti perancang keluarga atau berhenti dari bersalin kerana sewaktu bersalin dia tidak menghadapi sebarang masalah.

Masa kecil memelihara anak-anak tanpa pembantu atau keluarga memanglah susah tetapi bila memikirkan anak-anak itu sebagai anugerah dari Tuhan dan masing-masing mereka mempunyai rezeki yang tersendiri hati mak cik jadi tabah malah merasakan mempunyai anak ramai merupakan satu kebahagiaan pula," ujarnya jujur.

Setiap kali bersalin, suaminya akan mengambil cuti untuk menjaganya selama 2 minggu atau lebih," tambahnya.


Puan Asiah mengakui dengan pendapatan kecil gaji suaminya sebagai tukang kebun di istana dan sekarang cuma mengharapkan wang pencen kehidupan mereka tidaklah semewah keluarga lain. Untuk menampung pendapatan keluarga mereka anak-beranak Puan Asiah membuat kuih untuk dijual. Di samping itu suaminya sendiri ikut berkebun dengan menanam pokok tebu dan sedikit ubi kayu untuk dijual atau membuat kuih.

Menurutnya, perbelanjaan harian mereka selain daripada wang pencen suaminya mereka suami isteri juga mendapat bantuan dari anak-anak yang telah bekerja. Hitung panjang dalam sebulan mereka terpaksa berbelanja $1,000 hingga $1,200 sebulan.

Dalam sehari sekurang-kurangnya untuk memasak sama ada anak-anak ada di rumah atau tidak, satu gantang beras untuk memasak nasi dan 4 kati tepung gandum untuk membuat kuih-kuih ujarnya.

Sewaktu anak-anaknya masih lagi bersekolah kata Puan Asiah lagi, untuk membeli buku-buku sekolah anak-anak selain daripada

LIHAT MUKA 57



Sebahagian daripada anak-anak yang masih tinggal di rumah.



PAK RADEN dan PUAN ASIAH sewaktu mempunyai lima anak.

DARI MUKA 37

enam orang mendapat bantuan Kementerian Kebajikan Masyarakat, mereka terpaksa bergolok-bergadai.

Puan Asiah memberitahu lagi anak-anak tidak dididik dengan wang ringgit. Untuk ke sekolah mereka dibekalkan dengan kuih-muih dan mereka tiada pernah berbelanja untuk ke sekolah.

"Saya bersyukur mereka tidak pernah merungut malah memahami keadaan yang dihadapi oleh kedua orang tua mereka," ujarnya lagi. Dalam memberi didikan kepada anak-anak mreka juga menitikberatkan tentang disiplin. Kerana itulah walaupun beranak ramai tidak menimbulkan sebarang masalah pada mereka.

Dan Pak Raden Ahmad walaupun tua lanjut usia tetapi masih keliharan kuat lagi dan mampu mengerjakan kebun secara sendirian tanpa mendapat bantuan daripada anak-anak. Selama berada di sini beliau cuma berpeluang pulang ke Indonesia sekali sahaja pada tahun 1980 untuk menziarahi kaum keluarganya di sana.

Ditanya bagaimana Pak Raden menjaga kesihatan diri, dia mengakui mengamalkan beberapa petua di samping itu dia jua mempunyai kebolehan mengubati penagih dadah dan mereka yang lemah tenaga batin serta mendamaikan pasangan suami isteri yang berpoligami.

Katanya, dalam mengubati penyakit lemah tenaga batin ramai dari kalangan ahli politik datang berjumpa dengannya begitu juga dalam masalah berpoligami.

Pak Raden ketawa bila ditanya mengapa tidak dia gunakan ilmu yang ada padanya untuk turut sama berpoligami seperti yang dilakukan oleh setengah lelaki lain.

"Sebenarnya ilmu yang ada pada pak bukan tujuan untuk berseronok sendiri tetapi untuk menolong insan lain yang benar-benar terdesak," jelasnya.

Kata Pak Raden sejak mendirikan rumahtangga lebih dari 35 tahun dia telah melupakan segala keseronokan luar malah tumpuannya kepada isteri dan anak-anak. Malah barangkali kerana itulah juga saya sentiasa keliharan muda," tambahnya serius.

Dan Pak Raden tidak akan menolak sesiapa sahaja yang mempunyai masalah untuk datang berubat dengannya dia akan membantu dengan izin Allah "Asalkan mereka yang datang juga sanggup menjaga pantang larangnya," tambahnya.

Pak Raden dan Puan Asiah mempunyai sejarah hidup yang tersendiri. Pak Raden berasal dari Indonesia sementara Puan Asiah anak malang yang kematian ibu berasal dari Bentong, Pahang telah dibela oleh satu keluarga diraja yang bertugas sebagai Pegawai Daerah satu ketika dulu di tempat tersebut. Hingga kini Puan Asiah tidak pernah berjumpa dengan keluarganya malah tidak mengenali antara satu sama lain.



Ilmu yang saya ada bukan untuk kepuasan diri seperti berpoligami tapi...



Walaupun telah tua kami tetap hormat-menghormati antara satu sama lain.